



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI

## SIARAN MEDIA

### MENTERI KUSKOP TEMUI GABENOR BNM PERKUKUH EKOSISTEM PEMBIAYAAN DAN PENSKALAAN PMKS

---

**PUTRAJAYA, 28 APRIL** –YB Encik Steven Sim Chee Keong, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyambut baik pengumuman Bank Negara Malaysia mengenai *SME Stabilisation Relief Facility (SME SRF)* berjumlah RM5 bilion bagi membantu Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) yang terjejas akibat Krisis Bekalan Global susulan konflik Asia Barat yang berterusan.

Pengumuman ini hadir bertepatan dengan pertemuan beliau bersama Gabenor YBhg Dato' Sri Abdul Rasheed Ghaffour di Bank Negara Malaysia pagi tadi bagi membincangkan peranan strategik bank pusat dan institusi kewangan dalam memperkukuh ekosistem PMKS, khususnya dalam suasana ketidaktentuan ekonomi semasa.

Dalam pertemuan tersebut, kedua-dua pihak membincangkan usaha memperluas sokongan pembiayaan kepada PMKS. YB Steven Sim **turut menekankan keperluan meningkatkan akses kredit dan pembiayaan yang lebih inklusif, khususnya bagi usahawan baharu dan peminjam kali pertama**. Pertemuan itu juga menyentuh potensi **pendekatan pembiayaan hibrid atau blended financing bagi menggabungkan kekuatan sektor kewangan dan pasaran modal negara untuk menyokong pertumbuhan PMKS**.

YB Steven Sim menegaskan bahawa dalam mendepani cabaran semasa, sokongan kepada PMKS memerlukan pendekatan *all hands on deck* melibatkan kerajaan, institusi kewangan, sektor perbankan dan seluruh ekosistem keusahawanan, selari dengan misi KUSKOP “Hebatkan Perniagaan Malaysia”.

Beliau turut berkata KUSKOP komited bukan sahaja untuk memastikan lebih banyak perniagaan tempatan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran ekonomi global akibat konflik Asia Barat, malah merebut peluang untuk terus berkembang, meningkatkan produktiviti dan melonjak ke tahap seterusnya.

Sehingga Mac 2026, pembiayaan kepada PMKS oleh institusi perbankan dan institusi kewangan pembangunan (DFI) telah mencecah RM443.8 bilion, mewakili hampir 51 peratus daripada jumlah pinjaman perniagaan, merupakan satu asas kukuh untuk diperkasa dengan sokongan lanjut.

**28 APRIL 2026**

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**